

TAKRIFAN ANAK TAK SAH TARAF MENURUT HUKUM SYARA'

- Anak yang dilahirkan tanpa nikah sama ada hasil daripada zina, rogol atau melalui cara saintifik yang bertentangan dengan hukum syara';
- Anak yang dilahirkan kurang daripada 6 bulan 2 lazhah qamariah dari waktu 'Imkan ad Dukhul' dan bukan hasil daripada persetubuhan syubhat;
- Anak yang dilahirkan lebih daripada 6 bulan 2 lazhah qamariah dari waktu 'Imkan ad Dukhul' selepas akad yang sah dan ada bukti dari segi syara' bahawa anak tersebut ialah anak tanpa nikah melalui iqrar (pengakuan) mereka yang berkenaan (suami dan isteri tersebut atau salah seorang daripadanya), atau 4 orang saksi yang memenuhi syarat-syarat mengikut hukum syara'.



(Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam pada 17 Januari 2005)
Tarikh Pewartaan pada 28 April 2005.
No. Rujukan : [Mufti Sel. 500.2; PU. Sel. AGM. 0007 Jld.2]).

FIRMAN ALLAH SWT :

"Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, maka deralah tiap-tiap seorang dari keduanya 100 kali sebatan dan janganlah belas kasihan kepada keduanya mencegah kamu untuk (menjalankan) agama Allah, jika kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat, dan hendaklah (pelaksanaan) hukuman mereka disaksikan oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman".

(Surah an-Nur : ayat 2)

HADITH RASULULLAH SAW :

"Daripada Maimunah RA beliau berkata : "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda : Umatku (ini) akan terus berada dalam kebaikan selama mana tidak tersebar luas anak zina di kalangan mereka. Apabila anak zina tersebar luas di kalangan mereka, maka Allah akan menurunkan azab kepada mereka seluruhnya (semuanya)".

(Hadith Riwayat Ahmad)

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM NEGERI SELANGOR TAHUN 2003 :

"seseorang anak yang dilahirkan di luar nikah iaitu sama ada hasil daripada zina atau rogol atau anak yang dilahirkan kurang 6 bulan dari tarikh akad nikah mengikut hukum syara' dan dia adalah anak yang bukan hasil daripada persetubuhan syubhat".

IMPLIKASI ANAK TAK SAH TARAF DARI SUDUT HUKUM SYARA'

- Perempuan Islam yang berzina dengan lelaki Islam atau lelaki bukan Islam dan melahirkan anak, maka anak itu hendaklah dibin atau dibintikan Abdullah atau nama-nama lain 'Asma al-Husna' berpangkalan Abdul.
- Penjagaan, nafkah dan saraan hidup anak tak sah taraf adalah dipertanggungjawabkan kepada ibunya dan saudara mara sebelah ibunya sahaja.
- Jika ibu berkahwin dengan lelaki yang berzina dengannya atau lelaki lain, maka lelaki tersebut dianggap bapa tiri kepada anak tak sah taraf wanita yang dikahwini. Oleh itu, wudhu', aurat dan pergaulan bapa tiri dengan anak tiri (anak tak sah taraf) seperti hubungan mahram* dan mereka haram berkahwin.
- ▶ Jika wanita yang telah hamil/ melahirkan anak hasil zina tidak mengahwini pasangannya, maka hubungan anak tak sah tarafnya dengan bapa biologi (bapa tak sah taraf) adalah seperti hubungan bukan mahram*. Mereka boleh berkahwin, wudhu' terbatal (jika bersentuhan), aurat dan pergaulan perlu dijaga seperti hubungan ajnabi (orang luar).
- Jika anak tak sah taraf berkahwin dengan bapa biologi (bapa tak sah taraf) atau saudara mara bapa biologinya, maka perkahwinan mereka adalah sah kerana status bapa tak sah taraf tidak diiktiraf oleh syara' kerana anak yang lahir adalah hasil zina.

- Perkahwinan anak tak sah taraf perempuan mesti diwalikan oleh wali hakim. Bapa tidak layak menjadi wali kepada anak tak sah tarafnya. Anak tak sah taraf (lelaki) tidak boleh menjadi wali sepertimana susunan wali dalam pernikahan.
- Pemohon perlu merujuk di JAIS atau Pejabat Agama Islam Daerah bagi permohonan wali hakim.
- Ibu dan anak tak sah taraf boleh mewarisi pusaka antara satu sama lain. Jika ibu meninggal dunia, maka dia berhak mewarisi pusaka ibunya bersama-sama ahli waris sebelah ibunya dan sebaliknya.
- Anak tak sah taraf tidak boleh mempusakai harta bapanya dan keluarga sebelah bapanya dan begitu juga sebaliknya.
- Kematian anak tak sah taraf yang belum baligh adalah menurut agama ibunya. Jika ibunya beragama Islam, dia diuruskan dengan cara pengurusan jenazah Islam. Jika ibunya bukan Islam, dia diurus dengan cara bukan Islam walaupun lelaki yang menyetubuhi ibunya beragama Islam.
- Amal kebajikan yang dilakukan oleh anak tak sah taraf, segala manfaat dari segi pahala dan lain-lain akan kembali kepada dirinya juga.
- Anak tak sah taraf tidak boleh dinafikan haknya untuk bermasyarakat, bekerja, berkahwin dan mempunyai hak sama rata di sisi Islam.

* *Hubungan mahram : Haram dinikahi*

* *Hubungan bukan mahram : Boleh dinikahi*

**KEPUTUSAN MUZAKARAH
JAWATANKUASA FATWA
MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL
EHWAL AGAMA ISLAM**

Penamaan Anak Tak Sah Taraf

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke-1 pada 28-29 Januari 1981 memutuskan:

‘Anak zina atau anak luar nikah (anak tak sah taraf) sama ada diikuti dengan perkahwinan kedua pasangan ibu bapanya atau tidak hendaklah dibin atau dibintikan kepada Abdullah’.

Mengahwini Perempuan Yang Sedang Mengandung Anak Luar Nikah

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke-3 pada 21 Januari 1971 memutuskan :

‘Perempuan yang sedang mengandung anak luar nikah harus dinikahkan tetapi anaknya tidak boleh dinasabkan kepada lelaki itu, tidak dapat pusaka daripadanya, tidak menjadi mahram kepadanya dan lelaki itu tidak boleh menjadi walinya’.

Tanggungjawab Memberi Nafkah Kepada Anak Tak Sah Taraf

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Kali Ke-44 pada 25 Jun 1998 memutuskan :

‘Segala nafkah dan saraan hidup anak tak sah taraf adalah menjadi tanggungjawab ke atas ibunya. Ini adalah kerana anak tak sah taraf dinasabkan kepada ibunya dan tidak kepada lelaki yang menyetubuhi ibunya’.

Risalah ini telah disemak oleh Jabatan Mufti Selangor pada 12 Zulkaedah 1431H/ 20 Oktober 2010M.
Rujukan Surat : (2)d/m.Mufti. Sel.500-1 Jld.4
Rujukan Kami :Bil(55)UHEI/HTAR/KLG/AM01/01Jld 2

TERBITAN
2010



PENJELASAN ANAK TAK SAH TARAF



Disediakan oleh :

**Unit Hal Ehwat Islam
Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang
Tel : 03-3375 7000 samb. 1504/1507**

**SILA LETAKKAN RISALAH INI
DI TEMPAT YANG SEWAJARNYA**